

Soalan Lazim

Peraduan Lindung & Menang

No.	Soalan/Jawapan
S1	Apakah Peraduan Lindung & Menang?
J1	Peraduan Lindung & Menang (“Peraduan”) dianjurkan oleh Pos Malaysia Berhad (“Pos”). Peraduan ini terbuka kepada semua Pelanggan Pos yang membeli insurans/takaful kereta persendirian atau motosikal bersama Perlindungan Kemalangan Diri dan berpeluang untuk memenangi hadiah menarik.
S2	Berapa lamakah Peraduan ini akan berlangsung?
J2	Peraduan ini akan berlangsung mulai 1 Julai sehingga 30 September 2022 (“Tempoh Peraduan”).
S3	Siapakah yang boleh menyertai Peraduan ini?
J3	Peraduan ini terbuka kepada pemegang polisi warganegara Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia (“Peserta”) berumur 18 tahun dan ke atas kecuali kakitangan Pos Malaysia dan keluarga terdekat mereka.
S4	Bagaimanakah cara untuk menyertai Peraduan ini?
J4	Penyertaan secara automatik apabila Peserta berjaya membeli insurans/takaful kereta persendirian atau motosikal bersama Perlindungan Kemalangan Diri di Cawangan/platform Pos Malaysia terlibat semasa Tempoh Peraduan. Satu (1) transaksi layak untuk satu (1) penyertaan sahaja.
S5	Di manakah cawangan Pos Malaysia yang terlibat untuk Peserta menyertai Peraduan ini?
J5	Cawangan/platform Pos Malaysia yang terlibat (“Cawangan/platform Terlibat”) adalah: a) Pejabat Pos b) Cawangan Pos Laju c) Pusat Perkhidmatan Pos Laju d) Kiosk Pos Laju e) PosOnline

Soalan Lazim

Peraduan Lindung & Menang

No.	Soalan/Jawapan
S6	Apakah jenis pelan polisi insurans / takaful yang terlibat?
J6	a) Pelan insurans/takaful komprehensif bersama perlindungan kemalangan diri (Pos Auto) b) Pelan insurans/takaful pihak ketiga bersama perlindungan kemalangan diri (Pos Auto) c) Pelan insurans/takaful pihak ketiga kebakaran dan kecurian bersama perlindungan kemalangan diri (Pos Auto)
S7	Panel Insurans manakah yang terlibat di dalam Peraduan ini?
J7	Panel insurans yang terlibat adalah: a) Allianz General Insurance (M) Berhad b) Etiqa General Takaful c) Zurich General Insurance Malaysia Berhad d) Zurich General Takaful Malaysia Berhad e) AXA Affin General Insurance Berhad f) MPI Generali Insurans Berhad g) Tune Insurance Malaysia Berhad h) The Pacific Insurance Berhad i) Liberty Insurance Berhad j) AmGeneral Insurance k) RHB Insurance Berhad l) Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad m) Great Eastern General Insurance
J8	Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi Peraduan ini?
J8	Terdapat 127 pemenang bertuah dan hadiah untuk dimenangi adalah: a) Hadiah Utama x 1 • Proton X70 1.5 TGDI Executive 2WD b) Hadiah Pertama x 1 • Proton Iriz 1.3L Standard CVT c) Hadiah Kedua x 5 • Modenas Kriss 110 DB d) Hadiah Saguhati Bulanan x 40 • Wang Pos bernilai RM100 • Cabutan akan dibuat pada bulan Julai, Ogos dan September 2022

Soalan Lazim Peraduan Lindung & Menang

No.	Soalan/Jawapan
S9	Bagaimanakah pemenang akan dipilih dan cara mengetahui jika saya terpilih sebagai pemenang?
J9	<p>Pemenang yang Layak (“Pemenang Layak”) akan dipilih secara rawak oleh sistem. Pos Malaysia akan menghubungi Pemenang layak melalui telefon atau alamat e-mel yang diperolehi ketika membeli insurans/takaful di cawangan/platform terlibat untuk pengesahan sebelum diisytiharkan sebagai pemenang (“Pemenang”).</p> <p>Pos Malaysia berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang layak jika gagal memberikan maklumat yang lengkap dan tepat semasa panggilan atau e-mel untuk pengesahan. Kegagalan untuk menghubungi pemenang dalam tiga (3) kali percubaan dan mengemukakan butiran seperti yang diminta akan menyebabkan kelayakan terbatal. Pemenang yang telah dipilih mesti menunjukkan resit asal sebagai bukti pembayaran.</p>
S10	Bolehkah saya memenangi Peraduan ini lebih daripada sekali?
J10	Ya, jika kenderaan tersebut didaftarkan atas nama anda. Penyertaan yang telah dipilih sebagai pemenang bulanan layak untuk memenangi Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua.
S11	Bilakah pengumuman Pemenang akan dibuat?
J11	Senarai Pemenang akan diumumkan secara berperingkat pada setiap bulan bagi Hadiah Saguhati. Manakala untuk Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua pengumuman akan dibuat selepas tamat Tempoh Peraduan. Sila layari laman sesawang atau media sosial rasmi Pos Malaysia atau e-mel untuk pengumuman Pemenang.
S12	Bagaimanakah Pemenang menebus hadiah sebaik sahaja diumumkan sebagai Pemenang?
J12	<p>a) Hadiah Saguhati Bulanan Pihak Pos Malaysia akan menghubungi Pemenang untuk menuntut hadiah.</p> <p>b) Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua Majlis penyampaian hadiah akan dianjurkan oleh Pos Malaysia selepas peraduan berakhir yang mana akan diumumkan kelak.</p>
S13	Bolehkah hadiah ditukar kepada bentuk atau hadiah yang lain?
J13	Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik, ditebus balik atau ditukar kepada wang tunai atau mana-mana bentuk hadiah lain.

Soalan Lazim Peraduan Lindung & Menang

No.	Soalan/Jawapan
S14	Bagaimana saya akan menerima Hadiah Saguhati?
J14	Hadiah Saguhati berupa Wang Pos (Pos Money Order 'MO') akan dihantar melalui e-mel kepada Pemenang selepas proses pengesahan dilakukan.
S15	Bagaimanakah saya boleh menebus Hadiah Saguhati?
J15	Pemenang Hadiah Saguhati boleh menebus dan menunaikan MO dengan segera di mana-mana kaunter Pejabat Pos dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh hadiah dikeluarkan. Pemenang perlu mengemukakan kad pengenalan (MyKad) atau Pasport yang sah dan salinan borang MO atau maklumkan nombor MO kepada kakitangan kaunter untuk menuntut hadiah anda.